

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG  
[ ISKANDAR PUTERI ]**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2019  
[ RABU ]**

**SOALAN NO. 17**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk meletakkan kuota rumah mampu milik untuk setiap pembangunan perumahan yang baharu bagi memastikan lebih banyak rumah mampu milik dibina.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah melancarkan Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM) pada 11 Mei 2019. Salah satu daripada komponen DRMM adalah mengenai kawalan pembangunan rumah mampu milik. Perkara ini digariskan sebagai panduan kepada Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan dalam mengawal selia dan memantau penyediaan rumah mampu milik melalui kelulusan Kebenaran Merancang pembangunan perumahan dan harta tanah. Manakala harga jualan bagi pasaran bebas adalah berdasarkan harga permintaan dan penawaran.
2. Berdasarkan polisi kawalan pembangunan rumah mampu milik, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan boleh menentukan harga jualan rumah mampu milik berdasarkan pendapatan penengah atau kemampuan penduduk setempat.
3. Kelulusan Kebenaran Merancang dan polisi penetapan kuota pembangunan rumah mampu milik ini adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Maka sebarang pindaan, rayuan pengurangan peratusan penyediaan, penukaran dan perpindahan serta pindaan harga rumah mampu milik adalah tertakluk kepada pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.